

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION
BIN ISMAIL [KULIM]**

TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

**DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [KULIM-BANDAR
BHARU]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan "*terms of
reference*" dan bidang kuasa Majlis Pemulihan Negara.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menubuhkan Majlis Pemulihan Negara (MPN) pada 21 Julai 2021 bagi memastikan negara dapat keluar daripada kemelut pandemik COVID-19 dengan selamat dan teratur selaras dengan strategi yang digariskan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN). Selaras dengan tujuan tersebut, terma rujukan bagi MPN adalah seperti berikut:

Fungsi MPN

- i. Memantau pelaksanaan strategi dan bantuan di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN);
- ii. Mewujudkan papan pemuka bagi memantau pencapaian nilai ambang tiga indikator utama fasa pemulihan negara;
- iii. Mencadang dan mengambil langkah intervensi bagi memastikan pencapaian indikator utama;
- iv. Memberi nasihat kepada Kerajaan bagi penentuan peralihan dari satu fasa ke fasa seterusnya;
- v. Mendapat pandangan daripada pakar-pakar berkaitan dari semasa ke semasa;
- vi. Menilai pelaksanaan pakej bantuan PPN; dan
- vii. Menyedia laporan pencapaian PPN kepada Jemaah Menteri secara berkala.

Keahlian MPN

Pengerusi : YB Tan Sri Muhyiddin bin Yassin
bertaraf Menteri

Ahli-ahli Tetap :
i. YB Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
ii. YB Menteri Kanan Pertahanan;
iii. YB Menteri Kewangan / Menteri Penyelaras;
iv. YB Menteri Kanan Kerja Raya;
v. YB Menteri Kanan Pendidikan;
vi. YB Menteri Kesihatan;

- vii. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi);
- viii. Ketua Setiausaha Negara;
- ix. Wakil-wakil Parti Pembangkang:
 - a. YB Wong Chen;
 - b. YB Chong Chieng Jen;
 - c. YB Dato Seri Dr. Hj Dzulkefly Bin Ahmad; dan
 - d. YBhg. Tan Sri Bernard Giluk Dompok.
- x. Wakil Sektor Swasta / Pakar Industri NGO:
 - a. YBhg. Tan Sri Nor Mohamed Yakcop;
 - b. YBhg. Tan Sri Azman bin Hj. Mokhtar;
 - c. YBhg. Tan Sri Anthony Francis Fernandes;
 - d. YBhg. Prof. Dato' Dr. Adeeba Kamarulzaman;
 - e. YBhg. Datuk Michael Kang;
 - f. YBhg. Dato' Dr. Hartini Zainudin; dan
 - g. YBhg. Datuk Dr. Habibah Abdul Rahim.
- xi. Wakil Negeri Sabah dan Sarawak (Wakil-wakil negeri belum dicalonkan)

(Keahlian boleh ditambah dari masa ke masa)

Ahli Jemputan :

- i. Ketua Pengarah Kesihatan;
- ii. Ketua Pengarah Keselamatan Negara; dan
- iii. Pakar Industri.

Sekretariat : Kementerian Kewangan

Kekerapan Mesyuarat

MPN hendaklah bermesyuarat sekali setiap dua minggu atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

Sekian, terima kasih.